



04 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Fahmy Azril Rosli • Section: Nasional • Page: 22 • Printed Size: 484.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 16,620.00
PR value: MYR 49,860.00 • Item ID: MY0028076346

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: setakotkorporat@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

MDHS nafi benarkan aktiviti ekstrem terjun jambatan

→ Peserta 'rope swing' melompat dari jambatan Kuala Kubu Bharu, Bukit Fraser sambil berselfie

Oleh Fahmy Azril Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) tidak pernah memberi kelulusan atau membenarkan sebarang aktiviti ekstrem *rope swing* atau tali buai, pada ketinggian 60 meter dari atas jambatan Kuala Kubu Bharu-Bukit Fraser, yang kini viral di media sosial.

Pegawai Belia Daerah MDHS, Nurul Huda Ahmad Khairuddin, menafikan dakwaan penganjur, Rentas Adventures, yang mereka diberi kelulusan sementara daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit untuk menjalankan aktiviti berkenaan.

Nurul Huda berkata, meskipun MDHS sudah dimaklumkan mengenai aktiviti itu, tiada sebarang surat kebenaran dikeluarkan kepada penganjur berkenaan.

"Pemakluman itu tidak ber maksud MDHS memberi kebenaran kepada penganjur. Ia hanya notis awal kepada pihak berkuasa setempat, bahawa untuk pastikan mereka peka dengan aktiviti yang dijalankan di sini."

"Kami tidak beri penganjur

'lampu hijau' untuk menjalankan aktiviti berkenaan berikutan perbincangan masih lagi berlangsung di antara agensi berkaitan dalam usaha mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) kerana ia memerlukan perincian keselamatan selain kelulusan lokasi.

"Kita iktiraf dan galakkan aktiviti sukan lasak di negeri ini kerana bertepatan Tahun Melawat Selangor 2017 tetapi biarlah dapat kelulusan terlebih dahulu, baru betul," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beberapa klip video memaparkan aksi peserta lelaki dan wanita melakukan terjunan secara bergayut pada tali yang ditambat pada jambatan berkenaan dari ketinggian kira-kira 60 meter, dimuat naik beberapa pihak di Facebook.

Nurul Huda berkata, antara agensi kerajaan negeri dan pihak berkuasa terbabit dalam mewujudkan SOP itu termasuklah Jabatan Perhutanan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan

Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Beliau menjangkakan SOP berkenaan akan siap pada bulan ini sebelum sebarang kebenaran diberikan kepada mana-mana pihak menjalankan aktiviti seumpama itu secara rasmi.

Katanya, SOP itu penting kerana menekankan langkah pencegahan dan persediaan merangkumi pelan kontigensi, prosedur keselamatan, kelulusan tanah serta perubatan.

"Walaupun penganjur mendakwa mereka menggunakan peralatan lengkap yang memiliki pengiktirafan badan luar negara, ia masih memerlukan kelulusan dari MDHS," katanya.

Ketika dihubungi BH, Pengarah Urusan Rentas Adventures, Mohd Shafiq Azmi, mendakwa pihaknya menggunakan peralatan lengkap yang memiliki pengiktirafan badan luar negara ketika menganjurkan aktiviti *rope swing* dari jambatan terbabit baru-baru ini.

Dakwanya, aktiviti seumpama itu yang pertama di Malaysia mempunyai permintaan di negara ini dan pihaknya melakukan percubaan di lokasi berkenaan selepas mendapat kelulusan sementara MDHS.



04 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Fahmy Azril Rosli • Section: Nasional • Page: 22 • Printed Size: 484.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 16,620.00
PR value: MYR 49,860.00 • Item ID: MY0028076346

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahuangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2


Fakta nombor

60 METER
ketinggian
dari jambatan

70 PESERTA
sudah menyertai
aksi tali buaian

3 SESI
terjunan dari 31 Disember
hingga 2 Januari lalu

RM180 CAJ
sekali terjunan kepada
peserta tempatan



Aksi peserta wanita melakukan terjunan tali buaian sambil berselfie pada ketinggian 60 meter.

KRISIS FAS

Mokhtar sedia selesaikan tunggakan gaji pemain

Ms.50

Mokhtar sedar selesaikan tunggakan gaji pemain

→ FAS cari jalan dengan kerajaan negeri selesaikan kemelut

Oleh Syafiq Aznan

syafiq.aznan@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Mokhtar Ahmad akan berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan tunggakan bayaran gaji dan bonus pemain skuad The Red Giants musim lalu.

Beliau berkata, FAS akan berhincang dan mencari jalan terbaik dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini kerana persatuan itu mempunyai tanggungjawab kontrak dengan pemain.

Sehubungan itu, beliau

menggesa semua pihak agar bertengang dan tidak membuat sebarang kenyataan yang boleh mengeruhkan keadaan buat masa ini.

"Situasi yang melanda FAS kian parah apabila Setiausaha Agungnya, Rosman Ibrahim dan bekas pengurus, Amirudin Shari.

"Justeru, kami hanya akan mengeluarkan satu kenyataan rasmi selepas mesyuarat EXCO yang akan dipanggil dalam masa terdekat," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Kemelut persatuan itu bercambah ke satu peringkat lebih buruk selepas badan induk bola sepak negeri itu mendesak Mohamed Azmin dan Amirudin supaya melangsangkan tunggakan gaji bulan November dan pembayaran bonus layak ke Piala Malaysia 2016 seperti yang dijanjikan kepada pemain se-

belum ini.

Malah, FAS turut menuntut pampasan dibayar kepada bekas pengendali skuad Merah Kuning, Zainal Abidin Hassan yang dipecat atas arahan Mo-

hamed Azmin tanpa mengikut saluran yang betul dan pengetahuan EXCO.

Bagaimanapun, Amirudin menjelaskan persatuan bola sepak negeri itu sepatutnya memiliki wang yang mencukupi untuk menyelesaikannya memandangkan 'kantung' FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain bintang.

Namun, Rosman kembali menempelak Amirudin dengan menyatakan hasil yang diperoleh selepas menjual pemain hanya akan digunakan untuk operasi pasukan.



04 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 46 • Printed Size: 104.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,584.97
PR value: MYR 10,754.91 • Item ID: MY0028076652

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



3 NPNG FC juara Piala Tan Sri Mustapha Kamal
Pasukan NPNG FC menewaskan TELEFLOW FC 1-0 pada final Piala Tan Sri Mustapha Kamal yang berlangsung di Stadium ARENA MPSJ, Selangor, Disember lalu.



Selesaikan di meja rundingan

Kuala Lumpur: Pertelaghanan pendapat membabitkan Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Rosman Ibrahim dan bekas pengurus pasukan, Amirudin Shari berhubung isu tunggakan gaji dan bonus seharusnya diselesaikan di meja rundingan.

Presiden Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), Faizal Wahid berkata, kedua-dua 'orang kuat' The Red Giants itu sepatutnya berhenti daripada saling menudung jari ke arah satu sama lain tanpa berfikir mengenai langkah penyelesaian yang sewajarnya.

"Kedua-dua pihak pernah menguruskan persatuhan dan pasukan, jadi apabila isu ini menjadi 'panas', ia sedikit sebanyak mendedahkan kegagalan urus tadbir persatuhan. Oleh itu, kedua-dua pihak perlu mengambil tanggungjawab dengan bertemu bagi membincangkan langkah penyelesaian yang terbaik untuk menyelesaikan masalah ini."

Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor

"Sekadar melepaskan kesalahan pada satu pihak ke pihak yang lain tidak dapat menyelesaikannya. Kami juga menuntut masalah ini segera diselesaikan supaya tidak menjelaskan pemain yang akan beraksi dalam saingan Liga Malaysia (Liga M), musim ini," katanya semalam.

Kemelut ini bermula apabila FAS mendesak presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Amirudin supaya melangsaikan tunggakan gaji bulan November dan pembayaran bonus layak ke Piala Malaysia 2016 seperti dijanjikan kepada pemain sebelum ini.

Malah, FAS turut menuntut pampasan dibayar kepada bekas pengendali skuad Merah Kuning, Zainal Abidin Hassan yang dipecat atas arahan Mohamed Azmin tanpa mengikut saluran yang betul dan tanpa pengetahuan EXCO.

Bagaimanapun, Amirudin menjelaskan persatuan bola sepak negeri itu sepatutnya memiliki wang yang mencukupi untuk menyelesaikan masalah tunggakan itu kerana 'kantung' FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain bintang antaranya Ahmad Hazwan Bakri dan R Gopinathan kepada Johor Darul Ta'zim (JDT).

Namun, Rosman kembali menempelak Amirudin dengan menyatakan hasil yang diperoleh selepas menjual pemain sebanyak RM2 juta hanya akan digunakan untuk operasi pasukan pada musim ini dan bukannya untuk membayar hutang yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan negeri.



04 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 50 • Printed Size: 178.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,112.00
PR value: MYR 18,336.00 • Item ID: MY0028076662

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Ahmad Hazwan Bakri bermain dengan JDT musim ini.

DISINGKIR SELANGOR

Zainal perjelas punca pemecatan hari ini

Ms.50

Zainal akan perjelas punca pemecatan

Kuala Lumpur: Bekas pengendali Selangor, Zainal Abidin Hassan akan menjelaskan kedudukan sebenar yang berlaku antara dirinya dan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), hari ini.

Legenda bola sepak kebangsaan itu akan mengadakan sidang akhbar di rumahnya di Shah Alam petang ini bagi menjawab beberapa persoalan yang timbul selepas badan induk bola sepak Selangor itu memecatnya Ogos tahun lalu.

Penjelasan Zainal itu mampu memberi gambaran sebenar berkaitan masalah dihadapi-

nya serta kelmetut antara FAS dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang meletakkan jawatan sebagai presiden persatuan itu, Jumaat lalu.

Zainal yang dilantik pada Disember 2015 bagi menggantikan Mehmet Durakovic, dipecat pada awal Ogos selepas deretan kekalahan menimpa skuad kendaliannya.

Situasi sukar

Zainal juga dikatakan berada dalam situasi sukar bagi mengisi kekosongan ditinggalkan Durakovic, yang dipecat

selepas melonjak Selangor merealisasikan impian Misi 33 yang terbantut sekitan lama.

Bagaimanapun, pemecatan Durakovic dikatakan sudah dirancang lebih awal oleh Mohamed Azmin kerana ketika itu prestasi Selangor kurang memberang sangkan.

Cekap dan berbakat

Malah, mungkin bagi sesetengah pihak, ia kelihatan seperti satu tindakan wajar untuk menggantikan Durakovic dengan Zainal yang tampak lebih cemerlang bersama Pa-

hang.

Namun Selangor yang tidak diletakkan sebarang harapan untuk menjulang trofi Piala Malaysia dua tahun lalu, bangkit menewaskan Pahang pada separuh akhir sebelum menjuarai kejohanan itu buat kali keenam.

Keputusan Azmin itu dilihat memakan diri apabila Zainal gagal mengekalkan rentak cemerlang Durakovic dan akhirnya dipecat sebelum tamat musim.

04 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 50,52 • Printed Size: 275.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 9,479.49
PR value: MYR 28,438.47 • Item ID: MY0028076661

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com




isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

Fakta nombor	RM20 JUTA peruntukan FAS musim 2016	RM2 JUTA pendapatan FAS jual pemain
---------------------	--	--



Zainal Abidin (kanan) dipecat Selangor pada Ogos 2016.

Headline	Laporan insiden bunga api dibentang dua minggu lagi		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	04 Jan 2017	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	21	ArticleSize	554 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 19,097
Journalist	Rafidah Mat Ruzki	PR Value	RM 57,291
Frequency	Daily		



Laporan insiden bunga api dibentang dua minggu lagi

MPK nafi keluar kenyataan polis tidak maklum perlu mohon permit

Oleh Rafidah Mat Ruzki,
Norasyidah Arshad dan
Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Klang

Majlis Perbandaran Klang (MPK) menafikan mengeluarkan kenyataan bahawa polis tidak memaklumkan kepada pihak berkuasa tempatan itu mengenai keperluan memohon permitt untuk pertunjukan bunga api.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata beliau hanya mengeluarkan satu kenyataan rasmi selepas insiden bunga api meletup di tanah pada kemuncak Fiesta GEGAR Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran pada tengah malam Ahad lalu.

"Saya nafikan kenyataan itu (seperti yang dilaporkan akbar ber-

bahasa Melayu kelmarin). Mungkin dia (wartawan) dengar-dengar saja.

"Saya hanya mengeluarkan kenyataan rasmi membabitkan satu siasatan dalaman akan ditubuhkan (yang dikeluarkan kelmarin). Yang lain itu tidak betul," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mohamad Yasid membuat penjelasan itu bagi menjawab kenyataan Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad, yang menafikan pihaknya terbit dalam jawatankuasa penganggaran program Fiesta GEGAR Klang.

Ulas laporan akbar

Alzafny membuat kenyataan itu bagi mengulas laporan akbar berbahasa Melayu (bukan terbitan The New Straits Times Press (M) Berhad) yang melaporkan MPK dan polis seolah-olah menudung jari antara satu sama lain apabila pertunjukan itu berakhir dengan kejadian letupan kira-kira jam 12 tengah malam mengakibatkan 14 pengunjung termasuk empat

kanak-kanak cedera.

Menurut akhbar berkenaan, Alzafny dilaporkan berkata, PBT itu tidak memohon kelulusan untuk pertunjukan bunga api, manakala Mohamad Yasid pula mendakwa, polis sepatutnya memaklumkan lebih awal berhubung permohonan permit, selain polis turut terbit dalam jawatankuasa penganggaran Fiesta GEGAR Klang.

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, laporan penuh berhubung insiden letupan bunga api itu akan dibentangkan oleh Jawatankuasa Siasatan Dalaman yang dianggotai dua pengarah jabatan serta dua pegawai kanan MPK dalam tempoh dua minggu lagi.

"Mereka yang terpilih ini tidak terlibat langsung dalam penganggaran Fiesta GEGAR Klang 2016 bagi membolehkan siasatan secara telus dapat dilakukan."

"Siasatan turut melihat prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan dalam sambutan berkenaan sama ada ia mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan atau sebaliknya."

"Jika wujudnya elemen kecuanian, kita akan mengambil tindakan termasuk ke atas kakitangan MPK," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Naib Ketua MCA Bahagian Klang, Datuk Dr Azman Ching, berkata MPK perlu membayar pampasan dan menanggung kos rawatan mangsa letupan mercun itu.

"Pampasan yang setimpal perlu diberikan kerana penonton bukan saja cedera tetapi berisiko maut kerana ketika percikan bunga api itu," katanya.



Saya nafikan kenyataan itu (seperti yang dilaporkan akbar berbahasa Melayu kelmarin). Mungkin dia (wartawan) dengar-dengar saja. Saya hanya mengeluarkan kenyataan rasmi membabitkan satu siasatan dalaman akan ditubuhkan (yang dikeluarkan kelmarin). Yang lain itu tidak betul"

Mohamad Yasid Bidin,
Yang Dipertua MPK



Keratan BH 2 Januari lalu.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0
Media Prima Bhd (New Straits Times Press (M) Berhad)	1	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Cukuplah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	62,64	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 20,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 60,984



‘Cukuplah...’

■ Mokhtar mahu kemelut pasukan dihentikan segera, jaga maruah bola sepak Red Giants

Aziman Rosdi

aziman@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) Datuk Mokhtar Ahmad (*gambar*) mahu ‘perang mulut’ sesama mereka dihentikan segera sekali gus fokus dalam mencari jalan menyelamatkan nasib pasukan yang dihimpit pelbagai masalah.

Pergeseran antara dua kem jelas ketara apabila Presiden Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan peletakan jawatan bersama pengurus Amirudin Shari pada 30 Disember lalu kerana tidak sehaluan dengan Exco FAS.

► Drama tidak berakhir di situ apabila ahli Exco FAS menerusi kenyataan Setiausaha Agungnya Rosman Ibrahim meminta supaya tunggakan gaji November serta bonus Piala Malaysia pemain dilunaskan seperti yang dijanjikan kerajaan negeri dan Amirudin hingga mencetuskan perbalahan antara dua pihak.

Melihat kepada situasi kelam-kabut **[redacted]** FAS

ketika ini, Mokhtar mahu semua pihak bertengang dan menjaga maruah Red Giants.

“Saya mengambil maklum berhubung krisis yang melanda FAS hingga mengakibatkan pengunduran Datuk Seri Mohamed Azmin Ali daripada jawatan Presiden yang diumumkan melalui satu kenyataan media.

“Saya selaku Timbalan Presiden dengan tegas meminta semua pihak termasuk Exco FAS supaya bertengang dan tidak membuat sebarang kenyataan yang boleh mengherahkan lagi keadaan.

“Saya harap semua pihak dapat bertengang dan menjaga maruah serta kegemilangan bola sepak Selangor,” katanya semalam.

Menurut Mokhtar, beliau masih berharap dapat mengadakan pertemuan dengan Azmin biar pun ia

boleh dianggap misi mustahil.

“FAS akan mengeluarkan satu kenyataan rasmi selepas mesyuarat Exco yang akan dipanggil dalam masa terdekat. Kami tetap menghormati kerajaan negeri dibawah pimpinan Menteri Besar (Azmin) dan saya akan memohon untuk bertemu beliau.

“Berhubung isu pembayaran gaji dan bonus pemain, FAS akan berbincang dan mencari jalan terbaik dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini memandangkan FAS mempunyai tanggungjawab kontrak bersama pemain,” jelasnya.

Headline	Cukuplah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	62,64	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 20,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 60,984



Headline	Cukuplah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	62,64	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	518 cm ²
Journalist	Aziman Rosdi	AdValue	RM 20,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 60,984



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	1	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	1	0	RM 0
Ministry of Selangor (Menteri Besar Selangor)	5	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kami tiada kaitan langsung		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	04 Jan 2017	Circulation	179,231
Section	Setempat	Readership	537,693
Page No	29	ArticleSize	463 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 18,239
Journalist	Iskandar Shah Mohamed	PR Value	RM 54,718
Frequency	Daily		



SUSULAN LETUPAN BUNGA API MALAM TAHUN BAHARU

Kami tiada kaitan langsung!

■ Polis nafi terbabit dalam jawatankuasa Fiesta Gegar Klang 2016 seperti didakwa MPK

Iskandar Shah Mohamed
dan Siraj Mohd Zaini
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Polis menafikkan terbabit dalam jawatankuasa penganjuran program Fiesta Gegar Klang 2016 yang dianjurkan Majlis Perbandaran Klang (MPK), baru-baru ini.



Kenyataan dibuat MPK (di dalam akbar itu) tidak benar sama sekali
Asisten Komisioner Alzafny

la merujuk kepada kenyataan pihak berkuasa tempatan (PBT) di sebuah akbar yang mendakwa polis turut menyertai jawatankuasa penganjuran program sempena ambang tahun baharu berkenaan.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Alzafny Ahmad berkata, polis pernah dijemput hanya sekali untuk menghadiri mesyuarat berkaitan program itu di MPK, Klang pada 24 November tahun lalu.

"Sejak tarikh itu, polis tidak terbabit dengan mana-mana mesyuarat atau perbincangan berhubung program Fiesta Gegar Klang 2016 berkenaan."

"Kenyataan dibuat MPK (di dalam akbar itu) tidak benar sama sekali

turut menyertai jawatankuasa penganjuran program sempena ambang tahun baharu berkenaan.

Menurut Alzafny, sudah menjadi tanggungjawab polis menyediakan penugasan kawalan keselamatan bagi setiap program yang dianjurkan yang membabitkan penyertaan orang ramai.

Kata beliau, pihaknya beranggapan program berkenaan dibatalkan berikutan penganjur tidak memohon permisi, merujuk atau meminta sebarang pandangan atau nasihat daripada polis.

"Penugasan polis hanya memberi tumpuan terhadap kawalan keselamatan orang ramai," katanya.

MPK sedia laporan dua minggu lagi

Klang: Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mendedahkan hasil laporan insiden letupan bunga api sempena sambutan ambang tahun baharu di Kompleks Sukan Pandamaran di sini, dalam tempoh dua minggu.

Yang Dipertua, Datuk Mohamad Yasin Bidin berkata, laporan itu akan dibentangkan Jawatankuasa Siasatan Dalamang dianggotai dua Pengarah Jabatan dan dua pegawai kanan MPK.

Menurut beliau, semua ahli jawatan-kuasa yang memulakan proses dokumentasi sejak 1 Januari lalu tidak terbabit dalam penganjuran Fiesta Gegar Klang 2016 bagi membolehkan siasatan secara telus dilakukan.

"Siasatan itu akan mengenal pasti prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan dalam mengadakan sambutan berkeraan sama ada ia mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

"Jika wujud elemen kecualian, kita akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak termasuk kakitangan MPK sendiri," katanya pada sidang me-

dia di pejabatnya di sini, semalam.

Ketika ditanya berhubung permohonan sambutan yang dikatakan tidak memohon kelulusan polis, Mohamad Yasin enggan mengulas mengenai isu berkenaan.

Beliau berkata, polis turut menjalankan siasatan secara berasingan mengenai insiden yang mengakibatkan 14 pengunjung cedera pada sambutan tengah malam Ahad lalu.

Siasatan itu mengenal pasti prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan Mohamad Yasin

>> **Polis dijemput hanya sekali untuk hadiri mesyuarat pada 24 November 2016**



VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	2	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

MPK sedia laporan dua minggu lagi

Klang: Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan mendedahkan hasil laporan insiden letupan bunga api sempena sambutan ambang tahun baru di Kompleks Sukan Pandamaran di sini, dalam tempoh dua minggu.

Yang Dipertuaanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, laporan itu akan dibentangkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman dianggotai dua Pengarah Jabatan dan dua pegawai kanan MPK.

Menurut beliau, semua ahli jawatan-kuasa yang memulakan proses dokumentasi sejak 1 Januari lalu tidak terbabit dalam penganjuran Fiesta Gegar Klang 2016 bagi membolehkan siasatan secara telus dilakukan.

"Siasatan itu akan mengenal pasti prosedur operasi standard (SOP) yang digunakan dalam mengadakan sambutan berkenaan sama ada ia mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

"Jika wujud elemen kecuaian, kita akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak termasuk kakitangan MPK sendiri," katanya pada sidang me-

dia di pejabatnya di sini, semalam.

Ketika ditanya berhubung permit penganjuran sambutan yang dikatakan tidak memohon kelulusan polis, Mohamad Yasid enggan mengulas mengenai isu berkenaan.

Beliau berkata, polis turut menjalankan siasatan secara berasingan mengenai insiden yang mengakibatkan 14 pengunjung cedera pada sambutan tengah malam Ahad lalu.

**Siasatan itu
mengenal
pasti prosedur
operasi standard
(SOP) yang
digunakan**
Mohamad Yasin





04 Jan 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: Hasniza Hussain • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 364.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,209.00
PR value: MYR 18,627.00 • Item ID: MY0028076060

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAT 2, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahs@nsogov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Bukan kempen secara mengejut

Rakyat Selangor
beri sokongan,
maklumbalas positif

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM - Pelaksanaan kempen #BebasPlastik yang dilancarkan kerajaan Selangor dan diperluaskan kepada tujuh hari bermula 1 Januari lalu, mendapat maklum balas positif daripada masyarakat di negeri ini.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong berkata, walaupun baharu empat hari pelaksanaannya, ramai yang menyatakan sokongan terhadap kempen ini kerana ia bukan satu kempen mengejut.

"Kempen berjalan lancar, sambutan memuaskan, malah ramai yang bebas plastik sejak 2010 lagi.

"Kebanyakan para peniaga memang nyatakan sokongan yang sangat bagus terhadap #BebasPlastik dan ini jelas apabila banyak pasara-ya dan pusat beli-belah di Selangor sudah memulakan kempen tersebut dengan meletakkan notis pemberitahuan atau info-info yang menggalakkan orang ramai membawa beg beli-belah setiap hari bagi mengurangkan penggunaan beg

plastik," katanya ketika dihubungi Sinar Harian, semalam.

Beliau berkata, bagi memastikan pelaksanaan kempen ini konsisten, kerajaan negeri akan membuat pemantauan kesedaran orang awam serta peniaga dari semasa ke semasa, selain mempertingkatkan penguatkuasaan.

"Kita nasihatkan orang awam atau pengguna untuk sentiasa membawa beg beli-belah, bekas makanan serta bekas minuman sendiri.

"Bantu didik anak-anak kecil dan remaja kerana itulah masa yang terbaik untuk membentuk tabiat yang baik. Ini tahun baru, azam baru dan tabiat juga perlu tabiat baru," katanya.

Menurutnya, jika orang awam tidak membawa beg sendiri ketika membeli-belah dan memerlukan beg plastik, mereka akan dikenakan bayaran 20 sen bagi setiap pembelian beg plastik bermula Isnin lalu selaras dengan kempen.

Kerajaan negeri tak ambil 20 sen

Sementara itu, mengulas pertanyaan segelintir pengguna tentang ke mana wang 20 sen yang dibayar untuk pembelian setiap beg plastik, Elizabeth berkata, wang itu dikutip oleh peniaga dan ia perlu direkodkan dalam resit.

"Kerajaan negeri tidak kutip atau simpan setiap 20 sen yang dibayar pengguna untuk pembelian beg plastik.

"Ia terpulang kepada peniaga itu sendiri tapi kerajaan negeri syorkan kutipan tersebut disumbangkan kepada program tanggungjawab sosial yang disokong atau dibantu oleh perniagaan tersebut," katanya.

Dalam perkembangan sama, Elizabeth menasihatkan peniaga kecil yang 'pening kepala' untuk mendapatkan pembekal selepas kerajaan negeri turut mengharamkan peng-

gunaan bekas polisterina supaya merujuk kepada pihak berkuasa tempatan.



ELIZABETH



04 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: Hasniza Hussain • Section: Nasional • Page: 41 • Printed Size: 364.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,209.00
PR value: MYR 18,627.00 • Item ID: MY0028076060


PEJATAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DILAKUKAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Pusat beli-belah Aeon Jusco turut menyahut seruan kempen #BebasPlastik dan menampal notis pemberitahuan di hadapan premis kepada para pelanggan mereka



Sebuah premis yang menjalankan kempen #BebasPlastik menampal notis pemberitahuan bersama ilustrasi menarik dalam tiga bahasa bagi memberi maklumat kepada pengguna.



Peniaga, pengguna merungut

Dakwa plastik mudah urai disyaratkan PBT tidak tahan lasak

Pengguna dan peniaga merungut plastik mudah urai tidak tahan lasak dan mudah terkoyak apabila mengisi barang keperluan.

Pengerusi Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Negeri Selangor Cawangan Bandaraya Shah Alam Zon Kajang, Datuk Che Noorzhar Che Noor berkata, kualiti plastik mudah urai ini dipercayai kurang bagus untuk pelanggan dan peniaga guna.

"Saya kluatir nanti tercicir barang yang dimasukkan ke dalam plastik itu, saya berharap jika mahu buat sesuatu perubahan, buat lah yang sebaik mungkin supaya memberi keselesaan kepada masyarakat," katanya.

Che Noorzhar berkata, pengguna sedia maklum berhubung peraturan baharu ini, caj minima 20 sen akan dikenakan jika pengguna masih menggunakan beg plastik.

"Walaubagaimanapun pengguna mahu tahu ke mana atau kenapa caj minima 20 sen dikenakan. Apakah ia cukai atau diberikan kepada pihak lain," katanya.

Che Noorzhar berkata, pihaknya juga dimaklumkan peniaga kecil masih belum mengenakan caj minima 20 sen kepada pengguna berhubung penggunaan beg plastik sedia ada.

"Saya dimaklumkan setakat ini

hanya kedai serbaneka 24 jam dan pasaraya mengenakan caj minima 20 sen kepada pengguna," katanya.

Che Noorzhar berkata, peniaga kecil juga mengeluh kos produk bagi menggantikan plastik dan bekas polistirena sedia ada agak tinggi, malah untuk mendapatkan produk tersebut juga sukar.

"Segelintir peniaga dan penjaja kecil akan menggunakan plastik sedia ada kerana kosnya lebih rendah,

"Kerajaan Selangor atau pihak berkuasa tempatan harus menyenaraikan pembekal bekas dan plastik mudah urai kepada peniaga," katanya.

Pengguna perlu peka

Manakala, Ahli Majlis Perunding Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri, Datin Hadijah Mohamed berkata, sewajarnya pengguna sudah menjadikan kebiasaan menggunakan beg kitar semula untuk dibawa membeli belah di pasar raya.

"Saya sediakan beg kitar semula dalam kenderaan, saya tidak menggunakan plastik. Beg kitar semula seperti 'beg goodies' pemberian orang lain juga boleh digunakan untuk membeli belah di pasar raya," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, beliau juga memantau penjaja dan peniaga kecil yang masih meng-

gunakan polistirena.

"Mulai tahun ini peniaga tidak dibenarkan menggunakan bekas polistirena, kedai-kedai mana yang masih menggunakan saya akan rekod untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan kerajaan negeri telah mengadakan taklimat kepada peniaga pasar malam serta pasar tani berhubung perkara itu.

"Para peniaga kini telah sedia maklum dan menggunakan bekas mudah urai serta kertas.

"Plastik bukan saja tidak boleh dikitar semula malah memberi kesan pada alam sekitar untuk jangka masa panjang. Manakala penggunaan pembungkus polisterina dipercayai bukan sahaja memudaraskan kesihatan pengguna, tetapi juga mendatangkan kesan negatif kepada alam sekitar," katanya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Siti Musliha Abd Razak, 36, berkata, dia menyambut baik usaha pengurangan penggunaan beg plastik.

"Sebahagian pasar raya mengambil inisiatif sendiri menyediakan kotak kosong yang disediakan untuk kegunaan dan keselesaan pelanggan, usaha ini wajar dicontohi," katanya.



04 Jan 2017

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 516.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 8,802.00
PR value: MYR 26,406.00 • Item ID: MY0028076059

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setia@setia.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



CHE NOORZHAR

Contoh bekas makanan yang diberikan oleh MPKj kepada orang awam dalam kempen kesedaran pengurangan penggunaan polistirena.



MPK perlu peka prosedur keselamatan

KLANG - Kerajaan negeri perlu melakukan siasatan berhubung insiden letusan bunga api sempena tahun baru 2017 di Kompleks Pandamaran Sukan, Sabtu lalu.

Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago, beliau bersympati apabila 14 orang termasuk kanak-kanak yang tercedera selepas bunga api meletup di atas tanah.

"Walaupun saya mengalu-alukan siasatan domestik yang dilakukan Majlis Perbandaran Klang (MPK), kita perlu siasatan terbuka terhadap protokol keselamatan kerana ini adalah perkara yang melibatkan kepentingan awam.

"Pihak berkuasa tempatan seperti MPK perlu bertanggungjawab dan peka terhadap prosedur keselamatan terutamanya apabila ia melibatkan perhimpunan awam," kata-



MUGSHOT

nya menerusi kenyataan.

Beliau berkata, pihak pengajur acara tidak bertanggungjawab apabila melibatkan sebuah syarikat yang tidak berlesen pada pertunjukan bunga api itu.

"Laporan media menunjukkan MPK tidak mempunyai permit bagi mengajurkan acara seperti itu.

"Oleh itu, kerajaan negeri Selangor perlu membentuk satu pasukan penyiasat yang mana ada cadangan keselamatan dan protokol, yang boleh digunakan pihak oleh semua majlis tempatan.

"Kita semua juga harus mempunyai sikap tanggungjawab bersama dalam memastikan kejadian yang tidak diingini seperti itu tidak berlaku pada masa akan datang," katanya berharap kesemua mangsa segera sembuh.



04 Jan 2017
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 111.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 1,893.40
PR value: MYR 5,680.20 • Item ID: MY0028076058

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@negeris.org.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MPAJ fokus kempen kerajaan negeri

AMPANG – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) giat melaksanakan kempen pengurangan penggunaan beg plastik dan polistirena di kawasan pentadbirannya.

Yang Dipertua MPAJ, Abd Hamid Hussain berkata, pihaknya sangat menitik beratkan kesedaran isu alam sekitar dan kempen kitar semula.

“Selaras dengan hasrat kerajaan negeri yang mahu Sifar Polistirena mulai tahun ini, kita telah melaksanakan beberapa program bagi menyampaikan maklumat kepada orang awam sekali gus mempromosikan barang terpakai dan kitar semula,” katanya.

Beliau memaklumkan, pihaknya juga akan melaksanakan pasar malam ‘Go Green’ di Pekan Ampang sebagai satu langkah permulaan untuk mewujudkan inisiatif berhubung kempen itu.

Katanya, MPAJ juga akan merangka pelbagai program bersama pemilik premis perniagaan khususnya di medan selera MPAJ agar mereka menggunakan bekas makanan mudah urai.

“Kami masih menjalankan peringkat pendidikan kepada masyarakat dan pemilik premis sebelum melaksanakan penguatkuasaan.

“Kita perlu beri mereka tempoh masa kira-kira enam bulan lagi mereka faham matlamat kita, pada peringkat awal ini kita tidak berhasrat untuk melaksanakan penguatkuasaan,” katanya.



ABD HAMID



NOOR HAFIZA CHE ABDULLAH

TIMBALAN Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Mokhtar Ahmad berjanji mencari jalan penyelesaian terbaik bagi menyelesaikan masalah membelenggu badan induk bola sepak Selangor itu.

Katanya, beliau berharap semua pihak tidak membuat sebarang kenyataan yang boleh mengeruhkan keadaan.

"Saya ambil maklum krisis melanda FAS sehingga mengakibatkan pengunduran Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dari jawatan Presiden yang diumumkan melalui satu kenyataan media.

"Kita hormati Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Datuk Menteri Besar dan saya akan memohon untuk bertemu beliau.

"Jadi, FAS akan mengeluarkan satu kenyataan rasmi selepas mesyuarat Exco yang akan diadakan dalam masa terdekat. Saya cuma berharap agar semua pihak dapat memelihara maruah serta kegemilangan bola sepak

JANJI MOKHTAR!

Exco FAS bakal bermesyuarat tamatkan krisis

Selangor," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Mengenai isu pembayaran gaji dan bonus pemain katanya, beliau akan berusaha menyelesaikan masalah itu.

"FAS akan berbincang dan mencari jalan terbaik dengan kerajaan negeri bagi menyelesaikan isu ini memandangkan FAS

mempunyai tanggungjawab kontrak bersama pemain," katanya.

Situasi melanda FAS kian parah apabila Setiausaha Agungnya, Rosman Ibrahim dan bekas pengurus, Amirudin Shari 'saling menyerang' satu sama lain berhubung masalah membelenggu persatuan berkenaan.



Headline	Golongan wanita akui terbeban		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	154 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,627
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,881



Golongan wanita akui terbeban

KLANG - Golongan wanita muda mengakui terbeban dengan peraturan baru berkenaan penggunaan beg plastik yang dilaksanakan kerajaan negeri secara menyeluruh tahun ini.

Harniza Harun, 38, peraturan itu belum se-suai dilaksanakan secara menyeluruh di negeri ini.

"Kerajaan perlu didik terlebih dahulu masyarakat dengan mengharamkan penggunaan beg plastik kepada dua atau tiga hari bukannya terus kepada seminggu."

"Keputusan drastik itu mengejutkan masyarakat khususnya kaum ibu yang gemar membeli barang dalam kuantiti yang banyak," katanya ketika ditemui Sinar Harian semalam.

Beliau yang bekerja sendiri itu berkata, bayangkan jika si ibu membeli barang dalam kuantiti yang banyak dan dia pasti dikenakan bayaran yang tinggi untuk membeli sejumlah plastik.

"Itu semua melibatkan kos, saya tidak halang pelaksanaan peraturan itu sebaliknya ia perlu dilaksanakan



HARNIZA



NOOR MARLINA

secara berperingkat.

"Saya yakin masih ramai masyarakat belum tahu berkenaan pelaksanaan peraturan ini jadi kerajaan negeri harus beri penerangan secara menyeluruh dan mengambil masa untuk mendidik mereka," katanya.

Sementara itu, penjawat awam, Noor Malina Suparman, 30, mencadangkan agar penggunaan beg plastik itu digantikan dengan beg kertas yang lebih mudah diurus dan diuraikan.

"Penggunaan beg kertas tidak perlu dikenakan bayaran memandangkan masyarakat kini terpaksa menanggung pelbagai kos kenaikan."

"Jika kerajaan meneruskan pelaksanaan beg plastik yang dikenakan bayaran, ia pasti menambahkan bebanan rakyat yang sedia ada," katanya.

Tegasnya lagi, dia memang tidak bersetuju dengan pelaksanaan peraturan baru itu yang mengenakan bayaran 20 sen bagi setiap beg plastik yang amat membebankan rakyat di negeri ini.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Government Employees (Government Employees)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kami hanyalah staf bawahan biasa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	113 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,928
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,784



'Kami hanyalah staf bawahan biasa'

KLANG - Tinjauan Sinar Harian di sekitar Lembah Klang dapat terdapat sesetengah peniaga masih belum mengenakan caj RM0.20 bagi beg plastik yang dilaksanakan kerajaan negeri secara menyeluruh tahun ini.

Namun, ketika diminta memberikan respons berkaitan isu ini rata-rata mereka menolak untuk ditembul dengan ber-alasan hanyalah pekerja biasa.

"Eh, tak boleh akak. Kami hanya tukang jaga kaunter wang aje. Yang itu mesti dapatkan kebenaran majikan kami.

"Biasa memang ada beg plastik yang kami sediakan dan kenakan caj 20 sen.

"Ikutlah ada kedai yang caj

dan tidak. Kami tiada apa-apa arahan," kata seorang pekerja di kenali sebagai Alin yang bekerja kedai serbaneka di sini.

Katanya lagi, jika pelanggan hadir membeli barang berkuantiti kecil, mereka hanya membimbangkan dan membawa pulang keluar dari kedai,

Sementara itu, jurujual di kedai buku terkenal, Norazlina pula memberitahu memang ada mengenakan bayaran jika pelanggan mahu mengisi buku yang dibeli.

"Ya, kita ada caj, biasanya pelanggan hanya bayar sebab nak mudahkan bawa buku. Kalau banyak, beratlah nanti dan lenguh tangan," katanya.



Beberapa pembeli akui terpaksa membayar caj lebih untuk mendapatkan beg plastik. Gambar hiasan.

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Insiden bunga api Polis tidak terlibat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	04 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	42	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	120 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,047
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,141



Insiden bunga api: Polis tidak terlibat

KLANG - Polis menafikan laporan sebuah akhbar tempatan mengenai kenyataan Majlis Perbandaran Klang (MPK) yang mendakwa pihaknya terlibat sama dalam jawatankuasa penganjuran program Fiesta Gegar Klang 2016 anjuran MPK.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad berkata, pihaknya menafikan kenyataan yang dibuat oleh Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin yang disifatkan tidak benar.

"Polis sama sekali tidak terlibat dalam jawatankuasa penganjuran program tersebut. Polis pernah dijemput sekali sahaja menghadiri mesyuarat berkaitan program ini



ALZAFNY

pada 24 November 2016 dan sejak itu, kita tidak lagi terlibat dengan mana-mana mesyuarat atau perbincangan program tersebut," katanya.

Alzafny berkata, menjadi tanggungjawab polis menyediakan penugasan kawalan keselamatan bagi

setiap program dianjurkan yang melibatkan penyertaan orang ramai.

"Memandangkan pihak pengajur tidak membuat permohonan permit, merujuk atau meminta sebarang pandangan atau nasihat daripada pihak polis bagi mengadakan pertunjukan bunga api di dalam program tersebut, maka kami beranggapan bahawa pertunjukan bunga api telah dibatalkan.

"Jadi penugasan polis hanya memberi tumpuan terhadap kawalan keselamatan orang ramai sahaja.

"Sehubungan itu, polis berharap kenyataan ini dapat menjelaskan persoalan yang ditimbulkan dalam artikel tersebut," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Kerajaan negeri tak ambil 20 sen

Sementara itu, mengulas pertanyaan segelintir pengguna tentang ke mana wang 20 sen yang dibayar untuk pembelian setiap beg plastik, Elizabeth berkata, wang itu dikutip oleh peniaga dan ia perlu direkodkan dalam resit.

